Pertimbang cadangan wujud ahli majlis di Kuala Lumpur - Teresa

SHAH ALAM - Kerajaan perlu mempertimbangkan cadangan mewujudkan kumpulan ahli majlis di Kuala Lumpur bagi tujuan menambah baik urusan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok berkata, beliau pernah mengutarakan pandangan tersebut dalam perbahasan di Dewan Rakyat pada persidangan lalu.

Menurutnya, seluruh PBT tertakluk di bawah akta kerajaan tempatan, namun hanya Kuala Lumpur tidak mempunyai ahli majlis.

"Kita hanya ada 11 ahli Parlimen di Kuala Lumpur tetapi kami tidak boleh campur tangan dalam urusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana mereka agensi kerajaan yang melaporkan kepada Perdana Menteri.

"Saya rasa sudah tiba masanya kita tambah baik urusan PBT di Kuala Lumpur dan DBKL kerana di bawah PBT ada tujuh atau lapan jawatankuasa seperti alam sekitar, trafik dan sebagainya.

"Jadi, ahli majlis boleh masuk dalam semua jawatankuasa ini. Mereka boleh mempengaruhi proses membuat keputusan dan kemukakan suara rakyat dalam semua jawatankuasa," katanya.

Teresa berkata demikian semasa program Di Sebalik Isu Bersama FY bertajuk Pilihan Raya PBT di Kumpulan Karangkraf pada Jumaat.

Program yang dihoskan Finaz Yunus itu turut menampilkan Pensyarah di Pusat Polisi Perdana, Fakulti Teknologi dan Informatik Razak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Profesor Madya Dr Muhammad Fathi Yusof.

Mengulas mengenai persediaan pentadbiran negara dalam melaksanakan pilihan raya PBT, Teresa berpendapat kerajaan masih belum bersedia melaksanakan cadangan tersebut.

Sementara itu, Muhammad Fathi berkata, bidang kuasa kerajaan negeri akan menjadi terhad dan semakin sedikit jika kerajaan mengadakan pilihan raya PBT.

Menurutnya, satu mekanisme yang memberikan autonomi kepada ahli majlis untuk bertindak perlu diwujudkan jika pilihan raya tersebut dilaksanakan.

"Bila kita buat pilihan raya PBT itu bermakna rakyat memilih ahli majlis dan mengharapkan mereka ini mempunyai kebebasan menentukan hala tujunya sendiri.

"Tak guna jika kita adakan pilihan raya tapi ahli majlis masih terikat, maksudnya kita perlu wujudkan mekanisme dengan kerajaan negeri perlu 'mengendurkan kuasa' dan mereka tidak lagi boleh campur tangan kerana ahli majlis sudah dipilih oleh rakyat," katanya.

Tambah beliau, pilihan raya PBT juga bukan jaminan sesebuah pentadbiran itu akan semakin lancar dan licin.

Dari kiri: Finaz, Muhammad Fathi dan Teresa semasa program Di Sebalik Isu Bersama FY bertajuk Pilihan Raya PBT pada Jumaat.